



GARIS PANDUAN PENILAIAN PROGRAM ANTARABANGSA

Garis Panduan Penilaian Program Antarabangsa (GPPPA) ini bertujuan untuk membantu semua warga Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang terpilih sebagai **wakil KPM** menghadiri mana-mana program peringkat antarabangsa sama ada dibiayai (*sponsor*) oleh KPM, organisasi lain atau pembiayaan sendiri dengan **kelulusan KPM** atas urusan rasmi. GPPPA ini juga mencakupi warga KPM yang dilantik sebagai konsultan atau pakar untuk melaksanakan program-program khas di luar negara.

Bagi KPM, setiap pegawai yang berpeluang mewakili KPM di peringkat antarabangsa adalah dianggap sebagai **wakil negara** dan bertanggungjawab menjaga imej negara pada setiap masa agar nama baik KPM dan negara tidak terjejas. Di samping itu, semua pegawai yang terlibat dikehendaki memberi **maklum balas** kepada KPM berasaskan format laporan yang disediakan supaya maklum balas daripada program tersebut dapat dinilai dan perancangan masa hadapan dapat dilakukan dengan lebih tepat dan berkesan.

Bagi tujuan tersebut, satu set Borang Maklum Balas (*Programme Feedback Forms*) PF 1 & PF 2, dan Borang Pelaksanaan Projek (*Project Implementation Forms*) PI 1 & PI 2 telah disediakan. Sila baca dengan teliti **Arahan Pengisian Borang Penilaian Program Antarabangsa** yang terdapat pada muka surat berikut sebelum mengisi borang yang berkenaan.

Adalah menjadi tanggungjawab semua pegawai KPM yang terlibat untuk meneliti butiran borang-borang tersebut **sebelum** menghadiri program berkaitan agar dapat memahami dengan jelas tentang maklumat yang diperlukan untuk disalurkan kepada KPM sekembalinya nanti. Sila rujuk Arahan Pengisian Borang Penilaian Program Antarabangsa bagi keterangan selanjutnya.

Kerjasama tuan/puan dalam mengembalikan borang tersebut amatlah dihargai.

ARAHAN PENGISIAN BORANG PENILAIAN PROGRAM ANTARABANGSA

Set format pelaporan ini adalah bagi kegunaan setiap anggota warga Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sama ada bertugas di peringkat kementerian, bahagian atau Sekolah yang terlibat secara langsung dalam program yang dijalankan di luar negara. Tujuan utama penyediaan borang-borang ini adalah untuk menyeragamkan kaedah pelaporan bagi mencapai matlamat penilaian program antarabangsa sepenuhnya.

Set ini mengandungi borang-borang berikut:

- i. Borang PF 1 - diisi oleh **setiap** peserta program antarabangsa (termasuk pembentang kertas, ahli mesyuarat, konsultan dsb.)
- ii. Borang PF 2 - diisi oleh peserta, **atau** ketua delegasi (sekiranya lebih daripada seorang terlibat dalam program yang sama)
- iii. Borang PI 1 - diisi oleh setiap peserta setelah 3 bulan kembalinya daripada mengikut program antarabangsa (konsultan dikecualikan)
- iv. Borang PI 2 - diisi oleh Ketua Jabatan peserta setelah 3 bulan peserta kembali daripada mengikuti program antarabangsa (konsultan dikecualikan)
- v. Borang PCL - surat iringan Penyertaan ke Program Antarabangsa

Semua borang perlu dilengkapkan dalam Bahasa Inggeris, mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan dan dihantar melalui **e-mel** kepada Urus Setia Jawatankuasa Penilai Program Hubungan Antarabangsa, usjppha@moe.gov.my . Salinan *hard copy* borang penilaian **tidak** diperlukan.

Semua borang penilaian (PF 1/ PF 2/ PI 1/ PI 2) yang telah dilengkapkan perlu dihantar melalui e-mel bersama-sama dengan borang PCL. Borang-borang berkenaan boleh dimuat turun dari portal KPM di alamat <http://www.moe.gov.my>.